

**BAHAGIAN PEMULIHAN AL-RIQAB: PERANAN DAN CABARANNYA
DALAM MENYANTUNI KOMUNITI LGBT**
***AL-RIQAB RECOVERY DEPARTMENT: ROLES AND CHALLENGES IN
DEALING WITH LESBIAN, GAY, BISEXUAL AND TRANSGENDER
COMMUNITY***

Ahmad A'toa' Bin Mokhtar¹, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah², Mohd Hakim Arshad³,
Nur Amalina Binti Nordin⁴

¹ *Pensyarah, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor KUIS.
ahmadatoa@kuis.edu.my

² Pensyarah, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor KUIS.
yusufmarlon@kuis.edu.my

³ Pensyarah, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor KUIS.
mohdhakim@kuis.edu.my

⁴Ijazah Sarjana Muda Dakwah Sumber Pengurusan Insan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor KUIS. Nur.amalina@gmail.com

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 16 Nov 2020

| Selepas Pembedaan: 12 Jan 2021

| Diterima untuk terbit: 30 Jan 2021

Abstrak

Al-Riqab bermaksud seseorang yang beragama Islam yang terbelenggu di bawah satu kuasa yang menghalang kebebasan dirinya dan tidak berkemampuan untuk membebaskan dirinya daripada kebelengguan tersebut. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji latar belakang Bahagian Pemulihan Al-Riqab, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) Peranan dan cabarannya dalam menyantuni komuniti *lesbian, gay, bisexual, transgender* (LGBT). Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian yang memfokuskan kepada peranan dan cabaran Bahagian Pemulihan Al-Riqab. Pengumpulan data dari analisis dokumen dan melalui kaedah temubual responden yang terdiri daripada Pegawai Bahagian Pemulihan Al-Riqab, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Hasil kajian mendapati Bahagian Pemulihan Al-Riqab berperanan dalam memberi sokongan perlindungan, membantu proses pemulihan, dan membantu perawatan kepada komuniti yang memerlukan. Selain itu, kajian juga mendapati terdapat beberapa cabaran utama yang dihadapi oleh Bahagian Pemulihan Al-Riqab dalam menyantuni komuniti LGBT.

Kata Kunci

Al-Riqab, Peranan, Cabaran, Pemulihan, LGBT

Abstract

Al-Riqab means a Muslim who is shackled under a power that restricts his freedom and is unable to free himself from such shackles. This study aims to examine the background of Al-Riqab Rehabilitation Division, Selangor Islamic Religious Council (MAIS): Its role and challenges in caring for the lesbian, gay, bisexual, transgender (LGBT) community. This study is qualitative in nature using a study design that focuses on the role and challenges of the Al-Riqab Rehabilitation Division. Data collection from document analysis and through the interview method of respondents consisting of Officers of Al-Riqab Rehabilitation Division, Selangor Islamic Religious Council (MAIS). The results of the study found that the Al-Riqab Rehabilitation Division plays a role in providing protective support, assisting the recovery process, and assisting care to the needy community. In addition, the study also found that there are several major challenges faced by the Al-Riqab Rehabilitation Division in caring for the LGBT community.

Keywords

Al-Riqab, Role, Challenges, Rehabilitation, LGBT

1.0 Pengenalan

Di Malaysia tidak asing lagi tentang kewujudan golongan lesbian, gay, biseksual, transgender (LGBT). Semakin hari isu ini semakin meningkat. Hubungan ini dianggap sebagai sebuah hubungan yang terlarang kerana ia terpesong daripada norma masyarakat yang wajar, bahkan semua agama menentangnya. Walau bagaimanapun, kegiatan ini tetap berlaku secara berleluasa akibat daripada banyak faktor yang menyokong sehingga ada dari kalangan mereka menuntut hak kesamarataan untuk diiktiraf.

Gejala sosial sentiasa menghantui kita dengan kemunculan gaya hidup yang menyalahi kehendak agama. Antara gejala yang sudah lama berakar umbi dalam masyarakat ialah penagihan dadah dan seks bebas yang amat dilarang agama. Akibat melayan keseronokan hidup tanpa batas, telah mengundang kepada menularnya penyakit AIDS dan HIV yang kini dilaporkan semakin meningkat dari tahun ke tahun. Golongan ini turut dipandang serong oleh masyarakat, malah sering menjadi mangsa ejekan dan dipulaukan. Barang siapa yang membebaskan riqab (orang yang terhamba diri mereka), Allah akan membebaskan setiap sendi anggota dari api neraka hingga selamat dia dengan keselamatannya," Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim sebenarnya golongan seperti ini tidak sewajarnya dipulaukan atau diberi pelbagai jolokan yang boleh mengaibkan mereka. Sebaliknya, kita sangat dituntut untuk melakukan usaha mengembalikan mereka ke jalan yang benar di samping memberi pertolongan sekadar termampu. (Rifin 2013)

Manakala, berasaskan kepada keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor 2011, peruntukan daripada sumber zakat boleh digunakan bagi membebaskan umat Islam yang terbelenggu dengan masalah sosial dan akidah bagi memastikan mereka bertaubat dan kembali ke pangkal jalan. Mutakhir ini, permasalahan sosial amat membimbangkan dengan peningkatan jumlah orang yang menghidap HIV dan perlakuan seks songsang, kes wanita hamil tanpa nikah, peningkatan jumlah penagih dadah, judi dan arak, kanak-kanak terpinggir tanpa pendidikan dan perlindungan yang selamat, warga emas gelandangan, peningkatan golongan LGBT serta orang yang mendapat penyakit mental akibat dari penyalahgunaan dadah dan ajaran sesat. Lebih malang lagi, mereka ini sebahagiannya adalah umat Islam yang memerlukan bimbingan untuk mereka kembali bertaubat. Justeru, MAIS menggalas tanggungjawab

membantu membimbing asnaf al-Riqab supaya mereka kembali bertaubat dan menjadi mukmin yang diredhai Allah SWT. Menurut laman web rasmi Jabatan Mufti, Hukum penggunaan wang zakat asnaf Al-Riqab bagi mereka yang terbelenggu dengan masalah sosial dalam menjamin akidah umat Islam agar kembali ke pangkal jalan adalah diharuskan. Hal yang demikian, dapat disimpulkan setiap masyarakat yang mempunyai masalah sosial diharuskan mendapat asnaf Al-Riqab mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. (Jabatan Mufti Selangor 2018)

Bantuan Al-Riqab yang diluluskan Majlis Fatwa Selangor bertujuan membantu memulihkan golongan songsang daripada dibelenggu gaya hidup bertentangan syariat Islam. Pengarah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Zon Timur, Mahadi Awang berkata, bantuan itu tidak diberi terus kepada individu berkenaan, sebaliknya dibelanjakan bagi tujuan mengembalikan mereka kepada fitrah Islam sebenar. Penyaluran bantuan ini dipantau oleh jabatan agama agar objektif membantu saudara seagama kita dilaksana dengan baik. (Yatim 2018).

Oleh yang demikian, berdasarkan isu di atas harus diketengahkan dan diberikan pendedahan dengan memastikan tafsiran semula konsep Al-Riqab ini bagi memastikan menilai tafsiran Al-Riqab menurut realiti semasa di Malaysia. Selain itu, mengkaji sejauhmanakah Bahagian Pemulihan Al-Riqab, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) berperanan dalam menghadapi asnaf Al-Riqab dikalangan golongan LGBT disamping mengetahui cabaran menyantuni komuniti LGBT.

2.0 Latar Belakang Bahagian Pemulihan Al-Riqab

Penubuhan Bahagian Pemulihan Al-Riqab telah dinaik taraf sebagai bahagian pada tahun 2010, dalam masa yang sama pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah memberi peluang untuk tambahkan lagi kakitangan pekerja di Bahagian Pemulihan Al-Riqab untuk terus beroperasi. Pada awal penubuhan Bahagian Pemulihan Al-Riqab lebih mengfokuskan kepada mencari dan mengumpul maklumat berkaitan rumah pemulihan asnaf al-Riqab dan didaftarkan di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Tujuan mencari dan pengumpul maklumat tersebut adalah untuk memberi kemudahan bagi sumbangan dana zakat al-Riqab kepada rumah NGO yang berdaftar dibawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang menjalankan pemulihan, perlindungan dan rawatan kepada Asnaf Al-Riqab. Asnaf Al-Riqab mempunyai pelbagai kategori antaranya ialah dadah, sosial, penyakit HIV dan sebagainya. (Nur Amalina 2019)

Antara NGO yang terlibat dalam pemulihan ini adalah Badan Ukhuwah, Astana Budi. Kedua-dua NGO tersebut mengfokuskan kepada pemulihan HIV manakala tempat pemulihan dadah pula adalah Teduhan kasih yang terdapat di Cheras, rumah penawar dan sebagainya. Kemudian terdapat juga pemulihan bagi wanita antaranya Raudatul Sakinah, wardah dan sebagainya. Antara tugas Bahagian pemulihan Ar-Riqab adalah akan mengumpul golongan bermasalah yang dhaif di rumah pemulihan tersebut. Dana zakat Ar-Riqab yang disalurkan kepada rumah pemulihan tersebut bertujuan untuk menaiktaraf bangunan, memberi kemudahan keperluan hidup, makan minum klien dan sebagainya. (Nur Amalina 2019)

Selain itu juga, antara penubuhan bahagian ini adalah dengan mengumpul maklumat rumah pemulihan tersebut maka bahagian pemulihan Al-Riqab mewujudkan bantuan-

bantuan kepada Asnaf Al-Riqab. Bantuan tersebut wujud pada tahun 2012 tetapi ia tidak berjalan dengan lancar atas faktor tertentu. Kemudian pada 2013 pihak Bahagian Pemulihan Al-Riqab telah melakukan bantuan tersebut dengan bersungguh-sungguh, golongan yang layak menerima bantuan tersebut adalah fakir miskin. Antara bantuan yang diberikan adalah bantuan bulanan, bantuan sewa rumah, bantuan dari segi modal (*one off*). Bantuan ini disalurkan kepada asnaf Al-Riqab yang mana menjalankan pemulihan diluar pusat iaitu diluar jagaan pusat pemulihan. Hasil daripada bantuan yang disalurkan kepada kalangan tersebut dapat membantu segala bebanan mereka, dalam masa yang sama segala program yang dianjurkan oleh Bahagian Pemulihan Al-Riqab dapat dikembangkan iaitu pada tahun 2013. (Nur Amalina 2019)

Program yang pertama dilakukan oleh Bahagian Pemulihan Al-Riqab adalah program mukhayyam. Program mukhayyam mendapat sambutan yang baik daripada jabatan-jabatan agama Islam yang berada di sekitar Selangor. Program mukhayyam ini diadakan khas kepada golongan LGBT yang bermasalah. Pelaksanaan bagi program ini adalah dengan mengumpulkan golongan makyah (Transgender) yang terdapat di kawasan lorong. Kemudian pihak Bahagian Pemulihan Al-Riqab (MAIS) akan memujuk dan mengajak secara hikmah golongan tersebut supaya ia menyertai program yang dianjurkan oleh pihak MAIS. Hasil daripada ajakkan tersebut, mereka berlapang dada dan teringin untuk menghadiri program yang ingin dianjurkan. Ia mendapat sambutan yang baik walaupun bilangan yang ingin menyertai kurang memuaskan iaitu anggaran bilangan seramai 20 orang. Selain itu juga, Program yang dianjurkan oleh pihak Bahagian Pemulihan Al-Riqab juga mendapat sambutan daripada jabatan agama Islam di sekitar Selangor iaitu JAKIM. JAKIM juga turut berkerjasama dengan Bahagian Pemulihan Al-Riqab, MAIS dalam mengendalikan beberapa slot program bersama golongan LGBT. Oleh yang demikian program-program LGBT yang dianjurkan mula berkembang sehingga sekarang. (Nur Amalina 2019)

Perkembangan daripada itu, Bahagian Pemulihan Al-Riqab telah mewujudkan rumah perlindungan dan pemulihan kepada golongan LGBT. Bermula pada tahun 2015 pihak Bahagian Pemulihan Al-Riqab, MAIS Menyediakan rumah perlindungan khusus kepada golongan LGBT untuk berlindung dan membantu mereka untuk kembali pulih seperti manusia biasa. Terdapat tiga tempat rumah perlindungan dan pemulihan khusus kepada golongan LGBT, antaranya adalah rumah perlindungan terdapat di Klang (Usrah Fitrah), Kajang (PINTAS) dan Ampang. Ketiga-tiga tempat tersebut mempunyai kategori yang telah ditetapkan seperti rumah perlindungan yang terdapat di Bangi (PINTAS) khusus kepada golongan GAY, manaka rumah perlindungan yang terdapat di Klang (Usrah Fitrah) dan Ampang khusus kepada golongan LGBT secara umum. (Nur Amalina. 2019)

Selain itu, Bahagian Pemulihan Al-Riqab, MAIS telah mewujudkan satu modul, modul ini diselaraskan di seluruh negeri Selangor dan perkara mendapat liputan yang hebat diantara Majlis Agama Islam yang lain. Modul tersebut dikenali sebagai modul Istitabah, modul istitabah tujuannya adalah untuk proses inabah kepada mereka (golongan LGBT) yang mempunyai masalah aqidah untuk kembali bertaubat. Dengan adanya modul tersebut, dapat membantu untuk menyelesaikan kes-kes aqidah yang terdapat di sekitar negeri Selangor, selalunya kes-kes aqidah akan diperolehi hasil kerjasama daripada Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor. Sekiranya terdapat kes yang berkaitan aqidah, pihak Jabatan Kehakiman Syariah Selangor akan merujuk Bahagian Pemulihan Al-Riqab di bahagian undang-undang untuk uruskan dari segi

dokumentasi. Contoh sekiranya ada golongan LGBT ingin membuat permohonan keluar murtad mahkamah akan bagi alasan untuk melawan balik hujah tersebut. Sekiranya permohonan keluar murtad disebabkan asal usul bukan islam dan alasan yang tidak munasabah pihak Bahagian Pemulihan Al-Riqab, MAIS akan membuat siasatan sama ada dakwaan yang diberikan itu adakah benar atau tidak. (Nur Amalina 2019)

Seterusnya, antara inisiatif Bahagian Pemulihan Al-Riqab dalam mendapatkan maklumat berkaitan kes diatas adalah dengan mendapatkan maklumat daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), turun ke kampung, dapatkan maklumat daripada saudara mara ataupun masyarakat sekitar berkenaan dengannya pelaku tersebut. Setelah mendapat hasil maklumat kes tersebut, Bahagian Pemulihan Al-Riqab akan membawanya ke mahkamah untuk pembicaraan dan dibawa juga bersama saksi untuk memberi keterangan lebih lanjut agar hujah yang dinyatakan adalah tidak benar sekiranya ia tidak benar. Selepas selesai pembicaraan, kes akan ditolak jika tiada apa-apa perkara yang meragukan. Selepas daripada kes ditolak, biasanya ia akan dikeluarkan arahan untuk menjalankan proses istitabah, Bahagian Pemulihan Al-Riqab akan menjalankan pula proses Istitabah kepada golongan LGBT yang bermasalah itu dengan menggunakan modul tersebut.

Kemudian, selain daripada modul Istitabah Bahagian Pemulihan Al-Riqab juga mempunyai modul yang kedua iaitu modul LGBT, fokus utama modul tersebut adalah kepada golongan LGBT. Oleh yang demikian, Modul tersebut tidak dapat dilaksanakan lagi pada tahun ini kerana ia perlu dikemaskini supaya ia memberi keberkesanan dalam pelaksanaan yang baik untuk masa akan datang. Umumnya, Modul LGBT telah dirangka pada hujung tahun 2016 tetapi sekarang sedang dimurnikan mengikut keadaan semasa.

3.0 Latarbelakang Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender (LGBT)

Lesbian adalah golongan yang dilahirkan secara biologi sebagai wanita, namun tertarik kepada wanita yang lain dari segi kecenderungan perasaan, mahupun seksual. *Gay* pula adalah golongan yang dilahirkan secara biologi sebagai lelaki, namun tertarik kepada lelaki yang lain dari aspek kecenderungan perasaannya mahupun seksualnya. *Biseksual* pula bermaksud seseorang yang mempunyai kecenderungan emosi dan seksual terhadap kedua-dua jenis jantina. Ini bermaksud dia boleh menjalin hubungan dengan dua orang yang berlainan jantina dalam satu masa. Golongan *transgender* berbeza dengan golongan *gay*, *lesbian* dan *biseksual* kerana golongan *transgender* bukan kumpulan yang berasaskan kepada orientasi seksual yang merujuk kepada kecenderungan seks atau perasaan, tetapi golongan transgender adalah golongan adalah golongan yang berasaskan kepada aspek identiti diri. Golongan ini mengidentifikasikan diri mereka dengan identity jantina pilihan mereka sendiri yang bertentangan dengan jantina semasa lahir. Seorang yang lahir sebagai seorang lelaki, nalurinya dirasakan sebagai seorang perempuan dan keinginan untuk berperwatakan sebagai seorang perempuan, memakai pakaian perempuan dan seterusnya berkeinginan bagi mengubah fizikal mereka sebagai seorang perempuan, begitu juga sebaliknya. (Ismail 2015).

4.0 Pandangan Islam Terhadap Komuniti LGBT

Istilah LGBT merujuk kepada komuniti *Lesbian, Gay, Biseksual, dan Transgender*, isu ini bukanlah isu baru, malah permasalahan homoseksual seperti ini pernah berlaku di kalangan umat Nabi Lut AS. Perbuatan tersebut jelas merupakan perkara yang keji sebagaimana firman Allah SWT :

وَلَوْطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتُونَ الْفَحِشَةَ مَا سَبَقَكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِّنَ الْعَالَمِينَ. إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ الرِّجَالَ شَهْوَةً مِّنْ دُونِ النِّسَاءِ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ. وَمَا كَانَ جَوَابَ قَوْمِهِ إِلَّا أَنْ قَالُوا أَخْرِجُوهُمْ مِّنْ قَرْيَتِكُمْ إِنَّهُمْ أَكْثَرُ سَبِّطَهْرُونَ. فَأَنْجَيْنَاهُ وَأَهْلَهُ إِلَّا امْرَأَتَهُ كَانَتْ مِنَ الْغَابِرِينَ. وَأَمْطَرَ عَلَيْهِمْ مَطَرًا فَأَنْظَرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُجْرِمِينَ.

Maksudnya : "Dan Nabi Lut juga (Kami utuskan). Ingatlah ketika ia berkata kepada kaumnya: "Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun dari penduduk alam ini sebelum kamu?". "Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas". "Dan tidak ada jawab dari kaumnya selain daripada berkata: "Usirlah mereka (Nabi Lut dan pengikut-pengikutnya yang taat) dari bandar kamu ini, sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang (mendakwa) mensucikan diri". "Maka Kami selamatkan dia dan keluarganya (serta pengikut-pengikutnya) melainkan isterinya, adalah ia dari orang-orang yang dibinasakan. "Dan Kami telah menghujani mereka dengan hujan (batu yang membinasakan). Oleh itu, lihatlah, bagaimana akibat orang-orang yang melakukan kesalahan". (Al A'raf:80-84)

Ayat di atas jelas menggambarkan perilaku umat Nabi Lut AS yang mengalami masalah kecelaruan seks apabila memiliki kecenderungan untuk melakukan hubungan intim dengan kaum sejenis iaitu lelaki bersama lelaki dan perempuan bersama perempuan. Orientasi seksual yang dilakukan sesama pasangan sejenis atau homoseksual disebut di dalam hadis dengan istilah liwat (homoseksual) dan *al-sihaq* (lesbian). (Abdul Mustaqim 2011). Di dalam ayat tersebut, Allah menggambarkan azab yang menimpa ke atas kaum Nabi Lut AS iaitu kaum Sodom dan kaum Amoro, suatu daerah di negeri Syam. (al-Tabari 1995).

Selain ayat di atas, terdapat Firman Allah SWT yang menyatakan mereka yang melakukan perbuatan tersebut sangat jahil, kerana mereka menyedari bahawa perbuatan itu sangat keji, akan tetapi mereka tetap mahu menurut nafsu melakukannya walaupun jelas terbukti ia kotor dan keji:

وَلَوْطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتُونَ الْفَحِشَةَ وَأَنْتُمْ تُبْصِرُونَ. إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ الرِّجَالَ شَهْوَةً مِّنْ دُونِ النِّسَاءِ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ جَاهِلُونَ.

Maksudnya: "Dan Nabi Lut juga (Kami utuskan); (ingatlah peristiwanya) ketika ia berkata kepada kaumnya: "Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji sedang kamu nampak kejinya?". "Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki, bukan perempuan, kerana memuaskan nafsu syahwat kamu. (Perbuatan kamu itu amatlah keji) bahkan kamu kaum yang jahil (yang tidak mengetahui akan akibatnya)". (An Naml:54-55)

Terdapat Hadis yang melaknat lelaki menyerupai wanita dan wanita menyerupai lelaki (*Transgender*) iaitu penyerupaan tersebut dilakukan secara umum. Sabda Nabi SAW:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُتَشَبِّهِينَ مِنَ الرِّجَالِ
لِنِسَاءٍ، وَالْمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ لِرِجَالٍ

Maksudnya : “*Daripada Ibnu Abbas RA : Rasulullah SAW mengutuk lelaki yang berpakaian seperti wanita dan wanita yang berpakaian seperti lelaki*”. (Bukhari. Juz 7, hal 55)

Terdapat hadis lain yang melaknat golongan lelaki yang berpakaian wanita dan wanita yang berpakaian lelaki. Fokus hadis tersebut daripada cara pemakaian seseorang menyalahi gender.

عن أبي هريرة رضي الله عنه, قال: لعن رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرجلَ يلبسُ لِبْسَةَ الْمَرْأَةِ،
وَالْمَرْأَةَ تلبسُ لِبْسَةَ الرَّجُلِ.

Maksudnya: “*Daripada Abi Hurairah RA berkata : Rasulullah SAW telah melaknat orang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan perempuan yang memakai pakaian lelaki*”. (Abu Dawud .Juz 4, hal.60, no 4098)

Berdasarkan dalil daripada ayat al-Quran dan Hadis di atas menunjukkan bahawa larangan Allah SWT dan NabiNya terhadap perlakuan berorientasikan seksual yang dilakukan oleh manusia sesama pasangan sejenis atau homoseksual iaitu hubungan intim dengan kaum sejenis iaitu lelaki bersama lelaki dan perempuan bersama perempuan. Larangan ini juga termasuklah dalam hal berkaitan wanita menyerupai lelaki atau sebaliknya samaada penyerupaan tersebut dari sudut anggota badan atau pakaian. Oleh sebab perbuatan tersebut menyalahi fitrah manusia dan juga merupakan perbuatan yang jahil lagi keji. Maka perbuatan tersebut adalah sebahagian dosa-dosa besar.

5.0 Peranan Bahagian Pemulihan Al-Riqab

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sangat komitmen dalam menangani isu-isu sosial, kebajikan dan kemasyarakatan termasuk isu LGBT. Antara bahagian yang terlibat dalam menangani isu komuniti LGBT ini adalah Bahagian Pemulihan Al-Riqab berperanan untuk memberi perlindungan, pemulihan, rawatan kepada golongan LGBT hijrah yang termasuk dalam golongan asnaf Al-Riqab supaya mereka dapat kembali ke ke jalan yang benar. Hasil kajian berdasarkan sesi temubual bersama pegawai Bahagian Pemulihan Al-Riqab bahawa katanya sekurang-kurangnya terdapat tiga peranan utama mereka dalam menyantuni golongan LGBT ini, namun kesemuanya perlu mengikut prosedur yang ditetapkan. Fadrizul Akmal (2019). Tiga peranan tersebut adalah dari sudut perlindungan, pemulihan dan rawatan :

5.1 Perlindungan

Bahagian Pemulihan Al-Riqab berperanan menyantuni komuniti LGBT dalam memberi perlindungan kepada mereka. Sebagai contoh jika pihak Bahagian Pemulihan Al-Riqab dapat mengenal pasti mana-mana komuniti LGBT yang dibuang keluarga, tiada tempat tinggal dan tiada punca pendapatan akan diberikan tempat perlindungan dibawah Rumah perlindungan NGO yang telah berdaftar di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Selain itu juga, sebahagian daripada mereka yang mempunyai masalah kesihatan yang serius seperti mengidap penyakit HIV/AIDS. Bukan itu sahaja, malah juga akan menyalurkan bantuan makan minum mengikut keperluan sehingga mereka mampu untuk berdikari (Fadrizul Akmal 2019 & Nur Amalina 2019).

5.2 Pemulihan

Peranan seterusnya adalah dari segi pemulihan. Usaha pemulihan yang telah diberikan kepada golongan LGBT adalah menyediakan kelas bimbingan agama yang telah dianjurkan oleh rumah-rumah pemulihan al-Riqab pada setiap minggu dan turut mengadakan program-program pemulihan dan sebagainya. Mereka akan mendapat bimbingan yang sepenuhnya daripada guru-guru yang dilantik supaya masalah yang dihadapi oleh mereka dapat dipulihkan dengan sebaiknya. Selain itu juga, mereka akan dibimbing kefahaman tentang agama Islam. Antara topik perbincangan bagi pemulihan tersebut adalah merangkumi aqidah, ibadah, tauhid, syariaah dan sebagainya. Disamping itu juga, mereka akan mendapat bimbingan kaunseling secara tidak langsung. Sesi kaunseling yang sering dibuat melalui perkongsian masalah, cerita tentang kehidupan dan perbincangan bagi penyelesaian masalah (Fadrizul Akmal 2019 & Nur Amalina 2019).

5.3 Rawatan

Peranan berikutnya ialah menyediakan bantuan rawatan perubatan bagi komuniti LGBT yang mempunyai masalah kesihatan. Antara bantuan yang mereka terima seperti bantuan bayaran perubatan. Sebahagian komuniti yang mempunyai latar belakang yang kurang baik dari segi kesihatan yang menyebabkan ada segelintir mereka yang mengidap penyakit HIV/AIDS. Setelah dikenal pasti tahap keperluan mereka, bantuan rawatan tersebut segera disalurkan, walaupun kos rawatan dan ubat yang diperlukan adalah sangat tinggi. Anggaran rawatan penyakit seperti HIV/AIDS tersebut mencecah RM3000 setahun. Selain itu juga, rawatan Spiritual Islam juga turun disediakan. Adalah menjadi tanggungjawab pihak Bahagian Pemulihan Al-Riqab untuk membantu menyediakan rawatan secara fizikal dan rohani komuniti, samaada secara langsung atau tidak langsung bagi memastikan mereka sentiasa dibantu (Fadrizul Akmal 2019 & Nur Amalina 2019).

6.0 Cabaran Bahagian Pemulihan Al-Riqab Dalam Menyantuni Komuniti LGBT

Setiap pelaksanaan yang dilaksanakan pasti ada cabaran yang dihadapinya. Bahagian Pemulihan Al-Riqab tidak terkecuali daripada cabaran yang dihadapinya dalam proses menyantuni komuniti LGBT. Hasil temubual pegawai al-Riqab mendapati sekurang-kurangnya ada lima cabaran yang dihadapi oleh pihak Bahagian Pemulihan Al-Riqab yang bersifat dua hala (Fadrizul Akmal 2019). Antara cabarannya adalah seperti berikut:

6.1 Stigma Dua Hala

Cabaran yang pertama adalah stigma. Boleh dikatakan stigma bersifat dua hala, dalam istilah dakwah disebut stigma pertama dari pihak *mad'u* yakni orang yang didakwah dan stigma kedua dari pihak *da'i* iaitu pendakwah itu sendiri. Cabaran dalam menangani isu stigma dua hala ini sangat sukar untuk ditangani kerana ia bersifat masalah dalaman bagi kedua-dua pihak. Dari sudut pandang komuniti LGBT, stigma dari kalangan golongan agamawan terhadap mereka sering mencetus suasana yang tidak baik dan begitulah juga sebaliknya iaitu stigma dari kalangan komuniti LGBT terhadap agamawan. Malah kesan akibat stigma ini menjadi lebih buruk ketika Bahagian Pemulihan Al-Riqab dalam proses melaksanakan program dan aktiviti bimbingan sehingga ada yang cuba memboikot atau meninggalkan program secara beramai-ramai. Permasalahan utama stigma ini dapat dikenal pasti, akibat segelintir golongan agamawan yang tidak pernah bergaul langsung dengan komuniti ini seterusnya akan mencetuskan stigma yang tidak baik, selain itu juga kebanyakan pendakwah tidak mengetahui latar belakang kehidupan sesetengah komuniti yang sebahagiannya ingin berhijrah kearah yang lebih baik, maka pendekatan pendakwah perlu diperbaiki sesuai dengan tuntutan dakwah bilhikmah. Manakala komuniti LGBT pula kurang berusaha untuk mendekati golongan agamawan bagi menjelaskan keadaan yang sebenar bahawa sebahagian komuniti LGBT cuba untuk berhijrah dan memerlukan sokongan dan dukungan daripada golongan agamawan. Setelah permasalahan ini dikenal pasti puncanya, Bahagian Pemulihan Al-Riqab sentiasa berusaha mengurangkan jurang stigma dengan menghadirkan pendakwah atau agamawan setiap kali program komuniti LGBT dilaksanakan malah menjadikannya sebagai agenda utama mereka (Fadrizul Akmal 2019 & Nur Amalina 2019).

6.2 Masalah Hidup Yang Dihadapi

Cabaran Bahagian Pemulihan Al-Riqab yang seterusnya adalah menghadapi masalah segelintir komuniti LGBT hijrah yang telah disantuni berhasrat ingin kembali semula hidup seperti sebelumnya akibat daripada tekanan masalah hidup yang dihadapinya. Samaada tekanan dari segi kewangan atau kisah hidup yang lampau. Sebagai contoh kes, seorang maknyah sewaktu kecil sering dipukul oleh ayahnya, sehingga ia membenci lelaki dan tidak mahu menjadi seorang lelaki yang sejati dan takut untuk kembali kepangkuhan keluarga. Begitu juga kes seorang gay, mereka pernah diliwat oleh adik beradik lelaki dan penjaganya dan ada juga pernah diliwat oleh guru dan rakan seniornya ketika disekolah. Kisah hidup lampau ini sering menghantui hidup mereka sehingga mereka kurang berkeyakinan terhadap diri sendiri. Selain itu juga sebahagiannya menghadapi masalah kewangan setelah disahkan menghidapi penyakit HIV/AIDS. Kebanyakan mereka dibuang kerja, susah pula untuk bekerja dalam keadaan status kesihatan tersebut, lama kelamaan mereka terus menghadapi masalah kewangan yang serius sehingga ada di kalangan mereka yang kembali kepada pekerjaan menjual diri dan sebagainya untuk menampung hidup. Kes-kes seperti ini sangat mencabar yang perlu dihadapi oleh Bahagian Pemulihan Al-Riqab sehingga kini (Fadrizul Akmal 2019 & Nur Amalina 2019).

6.3 Gaya Hidup Yang Berbeza

Perbezaan gaya hidup yang dimaksudkan adalah diantara *da'i* dan *mad'u*. Isu perbezaan gaya hidup ini juga turut menjadi salah satu cabaran yang dihadapi oleh Bahagian Pemulihan Al-Riqab. Tidak dapat dinafikan gaya hidup kedua-duanya berbeza. *Mad'u* yang dimaksudkan adalah komuniti LGBT ini rata-rata tidak mempunyai kehidupan beragama yang baik berbanding golongan *da'i* atau pendakwah, sebagaimana diketahui bahawa kehidupan pendakwah sentiasa dalam suasana beragama dan sentia berpeluang untuk beramal ibadah dimana sahaja. Berbeza pula apa yang berlaku terhadap sebahagian daripada komuniti ada yang tidak solat wajib, apatah lagi dalam melaksanakan ibadah sunat, ada yang tidak mengenal huruf apatah lagi untuk membaca al-Quran dengan baik dan berbagai isu lain yang dilihat jurang perbezaan gaya hidup berbeza yang menyebabkan kesukaran mereka menerima dakwah misalnya ada yang berkata "*ustaz bolehlah sebab ustaz tahu agama*", *ustaz tak tahu betapa kami struggle untuk belajar agama*" dan lain-lain. Oleh yang demikian, Bahagian Pemulihan Al-Riqab perlu mempelbagaikan kaedah dakwah dalam menyantuni komuniti ini bagi membantu mereka untuk mendekati agama. Bagi menangani permasalahan ini, cabarannya adalah dalam menyediakan modul LGBT berkesan yang sesuai dengan keadaan semasa, namun tidak dinafikan ada sebahagian kecil daripada komuniti ini berlatar belakang hidup beragama (Fadrizul Akmal 2019 & Nur Amalina 2019).

Antara pendekatan dakwah berkesan adalah *da'i* mencari persamaan bagi tujuan mempermudah penerimaan *mad'u* terhadap mesej dakwah yang disampaikan. Oleh itu, Bahagian Pemulihan Al-Riqab menghadapi cabaran menentukan aktiviti yang sesuai yang lebih dekat dengan hobi atau kebiasaan rutin mereka. Sebagai contoh komuniti Makyah sudah terbiasa dengan gaya hidup menyanyi dan menari, maka salah satu pelaksanaan aktiviti bimbingan pemulihan tersebut ditukar dari menyanyi kepada nasyid tentang ketuhanan, menari ditukar kepada senam robik dan seumpama dengannya. Kesimpulannya mereka suka kepada hiburan, maka pihak Bahagian Pemulihan Al-Riqab banyak menyediakan aktiviti *outdoor* bagi menggantikan rutin hiburan mereka sebelum ini (Fadrizul Akmal 2019 & Nur Amalina 2019).

6.4 Tentangan Daripada Golongan Liberal

Menjadi lumrah setiap perkara yang baik akan ada tentangan, halangan dan cabaran yang tertentu. Memandangkan Majlis Agama Islam Selangor adalah satu-satunya agensi di Malaysia ini yang mempunyai bahagian yang khusus dalam menyantuni komuniti LGBT. Sudah pasti ada golongan yang pro atau menyokong aktiviti homoseksual atau LGBT ini, mereka tidak menyenangi akan peranan Bahagian Pemulihan Al-Riqab. Mereka adalah golongan Liberal yang mendaulatkan kebebasan tanpa sempadan. Sebagai contoh teradapat cubaan daripada golongan Liberal menghasut sebilangan komuniti LGBT yang hadir dalam program mukhayyam yang dianjurkan oleh Bahagian Pemulihan Al-Riqab. Tentangan mereka terhadap aktiviti pemulihan yang mana mereka beranggapan ia suatu paksaan terhadap fitrah yang menyalahi kebebasan mereka untuk memilih. Hampir setiap kali program yang akan dianjurkan, mereka akan cuba menentang sehingga ada yang datang ke pejabat agama untuk menyatakan tentangan mereka terhadap program dianjurkan oleh Bahagian Pemulihan Al-Riqab, MAIS. Tentangan yang dilakukan oleh golongan liberal ini sedikit sebanyak memberi kesan sehingga ada program yang hampir dibatalkan perlaksanaannya. Namun cabaran tersebut dapat diatasi secara berperingkat oleh

Bahagian Pemulihan Al-Riqab dengan melaksanakan program yang bersifat tanpa paksaan dan lebih santai (Fadrizul Akmal 2019 & Nur Amalina 2019).

6.5 Utamakan Ganjaran Semata-Mata

Setiap manusia inginkan ganjaran, agar kehidupan lebih baik dari sebelumnya. Masakini desakan keperluan kewangan semakin meningkat kesan sara hidup yang tinggi. Maka tidak dapat dinafikan komuniti LGBT juga termasuk dalam kategori golongan yang memerlukan kewangan yang cukup. Oleh kerana kesan ekonomi yang tidak menentu ada segelintir komuniti LGBT ini menyertai program yang dianjurkan oleh Bahagian Pemulihan Al-Riqab adalah bertujuan untuk mendapat elaun atau wang zakat daripada penyertaan kehadiran program tersebut sahaja. Akan tetapi isu seperti ini segelintir daripada bilangan kecil mereka sahaja. Walau bagaimanapun, cabaran seperti ini dihadapi oleh Bahagian Pemulihan Al-Riqab dengan mengenalpasti punca masalah untuk mereka mendapatkan bantuan kewangan lebih awal dan sentiasa memberi peluang dan ruang untuk mereka menyertai lagi program disamping pelaksanaan program berikutnya dipastikan akan lebih menarik dari sebelumnya. Ganjaran atau elaun saraan berkala akan dapat disalurkan kepada komuniti tertakluk kepada komitmen mereka menyertai kursus atau kelas bimbingan yang telah dianjurkan di rumah-rumah pemulihan (Fadrizul Akmal 2019 & Nur Amalina 2019).

7.0 Kesimpulan

Kesimpulannya, Bahagian Pemulihan Al-Riqab merupakan satu bahagian yang berada di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Bahagian tersebut sangat berperanan terutamanya dalam hal berkaitan perlindungan, pemulihan dan rawatan kepada golongan yang bermasalah khususnya komuniti LGBT yang ingin berhijrah. Walaupun Bahagian Pemulihan Al-Riqab baru dinaik taraf pada tahun 2010 pencapaian yang diperolehi sangat memuaskan apabila melihat perubahan baik terhadap golongan bermasalah. Usaha dakwah yang dilakukan oleh Bahagian Pemulihan Al-Riqab terserlah dalam menyantuni komuniti LGBT. Program yang dianjurkan mendapat sambutan daripada NGO-NGO luar dan juga dari komuniti bermasalah. Di samping itu, berdasarkan kepada peranan dan cabaran yang dihadapi oleh Bahagian Pemulihan Al-Riqab yang dijelaskan sebelum ini, dapat dikatakan bahawa peranan bahagian tersebut bukan sahaja kepada program yang dianjurkan malah penyediaan rumah perlindungan dan pemulihan yang dijaga oleh NGO luar di bawah bantuan MAIS. Selain itu juga, rawatan spiritual Islam diberikan kepada komuniti tersebut untuk memastikan mereka mendapat rawatan yang sewajarnya agar sedikit demi sedikit mereka dapat dipulihkan dan terhindar daripada pekerjaan yang tidak mengikut syarak. Selain itu, jika kita melihat kepada peranan bahagian pemulihan Ar-Riqab yang telah banyak memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat. Peranan tersebut juga dapat meluaskan lagi kegiatan dakwah terhadap golongan LGBT dalam membantu mereka mengamalkan ajaran agama Islam yang sebenar. Walaupun pihak Bahagian Pemulihan Ar-Riqab mempunyai cabaran dalam menyantuni komuniti LGBT ini, akan tetapi hal tersebut dapat diatasi dengan baik. Secara umumnya, cabaran tersebut dapat diatasi oleh Bahagian Pemulihan Ar-Riqab dengan menggunakan modul umum iaitu Modul Istितabah dalam menangani isu-isu berkaitan aqidah dan sosial termasuklah dalam menyantuni komuniti LGBT. Diharapkan modul khas untuk komuniti LGBT ini dapat disiapkan segera agar isu ini dapat dibendung dengan sebaiknya.

Rujukan

- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. (2012). *Memahami Kuantitatif & Kualitatif Dalam Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: UKM.
- Abdul Mustaqim. 2011. Kisah al-Qur'an : Hakikat, Makna dan Nilai-Nilai Pendidikannya. Yogyakarta. Jurnal Ulumuna, Volume XV, Bil.2. p.265-290. 9
- Abu Ja'far Muhammad Ibn Jarir al-Tabari. 1995. Jam' al-Bayan 'an Ta'wil Ayat al-Qur'an, Juz 1. Beirut : Dar al-Fikr, p. 304.
- Nur Amalina Binti Nordin. 2019. *Peranan Dan Cabaran Bahagian Pemulihan Ar-Riqab Dalam Menangani Golongan LGBT, MAIS*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Dakwah Dengan Pengurusan. Sumber Insan, Jabatan Dakwah Dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Ar-Riqab, B. P. (2018). *Info Mais*. 2018: Majlis Agama Islam Selangor.
- Azman Ab Rahman, A. S. (2010). Pelaksanaan Pengagihan Zakat Kepada Asnaf Ar-Riqab Di Malaysia. *Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia*.
- BHD, P. S. (2005). *Golongan Penerimaan Zakat : Agihan Dan Zakat Secara Lebih Berkesan*. Kuala Lumpur: Universiti (UPENA) Uitm.
- Crisp. C & Padilla. Y. (1996). *Gay, Lesbian and Biseksual Issues (1996). The represent a revision of the 1996 Gay, Lesbian and Bisexual Issu Policy*.
- Dr Ameer Siddiq. (2014). *penyakit kemurungan dan Anda*. Selangor: The Malaysian Medical Gazette.
- Ismail, M. K. (2015). *Suami Gay Isteri Mak Nyah Nafsu Songsang Terlaknat*. Selangor: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Jabatan Mufti Selangor. (2018). *Kenali Asnaf Al-Riqab*. Selangor: Sinar Harian.
- Malaysia, K. P. (1998). *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Meerangani, K. A. (2017). Model Agihan Dana Zakat al-Riqab Berteraskan Maqasid al-syariah : satu kajian awal. *Kolej Universiti Islam Melaka*.
- Mohamad Yusof Helmy bin Ramli Rani, Ann Balaraman Mohamad Saifudin Mohamad Saleh. (2017). Perbandingan Pemaparan Berita LGBT Dalam Akhbar Cetak Portal Berita. *Master Universiti Sains Malaya*.
- Mohd Fadli Ghani. (2010). *Muallim Abdul Wahid Sungai Udang,ulama' Melaka Tersohor*. Retrieved monday march, 2016, from epondok: <https://epondok.wordpress.com/2010/05/25/muallim-abdul-wahid-sungai-udang-ulama-melaka-tersohor/>
- mohd hafez sabri. (2009). Tuan Guru Muallim Haji Abdul Wahid bin Othman,Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam Di Melaka. *Penulisan Ilmiah*.
- Mohd Rilizam Bin Rosli,Hussin Bin Salamon,Azman Bin Ab Rahman. (2017). Pengurusan Agihan Asnaf Riqab Berdasarkan Realiti Semasa. *International Conference on Masjid, Zakat and Waqf Management*. Bangi, Selangor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Muaz Bin Omar, Norita Binti Kamaruddin, Dr.Fakhri Sungip. (2016). Konsep Zakat Dan Peranannya Terhadap Masyarakat Sejagat. *Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference*. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Mufti. (2018). *Hukum Penggunaan Wang Zakat Asnaf Riqab*. Laman Web Mufti Selangor.
- Noh, N. C. (2018). *LGBT Dianggap Penyakit Mental*. Mufti Selangor: Berita Harian Online.

- Nurul Husna Bt Arshad & Zuliza Bt Mohd Kusrin. (2018). LGBTIQ dan pendirian di Malaysia. *Master, UKM*.
- Rahman, A. A. (2018). Kedudukan Orang Kelainan Upaya OKU Sebagai Asnaf Ar-Riqab Di Malaysia. *Journal Of Fatwa Management and Research*.
- Rifin, M. R. (2013). *Bantu Golongan Riqab Gilap Peribadi*. Darul Ulum Online.
- Sharif, F. A. (28 1, 2019). Peranan dan Cabaran Bahagian Pemulihan Ar-Riqab dalam Menangani golongan LGBT.
- Yatim, N. (2018). *Zakat Ar-Riqab Untuk Pulihkan Golongan Songsang*. Selangor: Sinar Harian.
- Fadrizul Akmal (2019). Temubual Pegawai Bahagian Pemulihan al-Riqab, MAIS